

PENGAJARAN KEMAHIRAN MEMBACA TEKS BAHASA ARAB MENGUNAKAN TEKNIK UNZUR QABLAHU (UQ): KAJIAN APLIKASI TEORI KOGNITIF (ATK)

(Teaching Arabic Text Reading Skills Using Unzur Qablahu (UQ) Technique: A Study of The Application of Cognitive Theory (ACT))

***Wazzainab Ismail¹, Hairun Najuwah Jamali², Ku Fatahiyah Ku Azizan³, Awatif Abdul Rahman⁴**

Submitted: 23-Dec-2021
Accepted: 27-Dec-2021
Revised: 30-Dec-2021
Published: 31-Dec-2021

^{1,2,3,4}Pusat Pengajian Teras
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

*Corresponding author's email: wazzainab@kuis.edu.my

Abstrak

Membaca teks bahasa Arab merupakan aktiviti yang penting dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Kemampuan pelajar membaca teks bahasa Arab dengan tepat dan betul adalah satu bukti penguasaan terhadap tata bahasa Arab. Oleh yang demikian, proses membaca teks bahasa Arab memerlukan beberapa langkah yang perlu diimplimentasi agar pembacaan teks adalah sejajar dengan hukum dan syarat-syarat ilmu sintak bahasa Arab. Kajian berasaskan Teori Kognitif ini menggalakkan pelajar berfikir tentang maklumat-maklumat asas yang telah dipelajari dan menggunakan pendekatan teknik Unzur Qablahu (UQ) untuk membantu pembacaan teks bahasa Arab. Teknik Unzur Qablahu (UQ) bermaksud melihat perkataan sebelumnya untuk membantu pelajar mengetahui dan berfikir tentang baris perkataan selepasnya. Kajian ini dijalankan bagi menjawab persoalan berkaitan kelemahan pelajar menentukan baris perkataan ketika membaca teks. Oleh itu objektif kajian ialah mengkaji pendekatan teknik Unzur Qablahu (UQ) untuk membantu pembacaan teks bahasa Arab. Selain itu, kajian juga mengkaji kaitan teknik Unzur Qablahu (UQ) dan Aplikasi Teori Kognitif (ATK). Metodologi kajian adalah secara pemerhatian semasa proses pengajaran kemahiran membaca teks bahasa Arab dijalankan. Pemerhatian dilaksanakan dengan meneliti kemampuan pelajar membaca dan memilih baris yang betul ketika membaca setiap perkataan dalam teks tersebut. Pemerhatian juga mencatat keadaan seperti intonasi, kelancaran, sikap dan lain-lain ketika proses pembacaan berlaku. Dapatan kajian menjelaskan bahawa teknik Unzur Qablahu (UQ) serta Aplikasi Teori Kognitif (ATK) membantu proses pembacaan teks bahasa Arab. Di samping itu, teknik ini juga menyokong aktiviti kognitif iaitu berfikir dengan kritis dalam usaha memilih dan menentukan baris perkataan ketika membaca teks. Kajian dalam masa yang sama adalah satu refleksi penguasaan ilmu sintak apabila pelajar mampu memahami ilmu i'rab dengan lebih baik.

Kata kunci: membaca, teks, unzur, qablahu, kognitif

Abstract

Reading Arabic texts is an important activity in teaching and learning Arabic. The ability of reading Arabic texts accurately and correctly is a proof of mastery of Arabic grammar. Thus, reading a text requires a number of steps that need to be met for the correct Arabic text reading in terms of Arabic grammar. This study based on Cognitive Theory encourages students to think about the basic information they have learned and use the Unzur Qablahu (UQ) technique approach to aid the reading of Arabic texts. The Unzur Qablahu (UQ) technique means looking at the previous word to help students know the pronunciation of the next word. This study is conducted to answer questions related to the weakness of students in determining the word pronunciation when reading a text. Therefore

the objective of the study is to examine the Unzur Qablahu (UQ) technique approach to assist the reading of Arabic texts. In addition, the study also examines the relevance of Unzur Qablahu (UQ) technique and Application of Cognitive Theory (ACT). The research methodology is based on observation during the process of teaching Arabic text reading skills. The observation also records the conditions such as intonation, fluency, attitude and others input as the reading process takes place. The findings of the study show that the Unzur Qablahu (UQ) technique and the Application of Cognitive Theory (ACT) help the process of reading Arabic texts critically. In addition, this technique also supports the cognitive activity in an effort to select and determine word pronunciation when reading a text. This study also has a positive effect on the mastery of Arabic grammar such as i'rab.

Keywords: reading, text, unzur, qablahu, cognitive

1.0 PENGENALAN

Tatabahasa Arab sering dikaitkan dengan istilah “النحو” dalam kalangan para ilmuan bahasa Arab. Ab Halim (2005) berpendapat bahawa tatabahasa merupakan komponen terpenting dalam bahasa yang tidak boleh dipisahkan. Hal ini kerana ia membantu untuk mempertingkatkan kemahiran bahasa seperti bertutur, mendengar, membaca dan menulis. *Nahu* atau tatabahasa merupakan elemen yang penting dalam penyampaian maksud sesebuah struktur ayat. Misalnya bagi perkataan “ذهب” jika dibaca sebagai “za-ha-ba” iaitu dalam bentuk kata kerja, bermaksud “telah pergi.” Namun sekiranya perkataan tersebut dibaca dengan bunyi “za-ha-bun” ia memberi maksud yang berbeza iaitu “emas”. Oleh itu, tatabahasa penting dalam aktiviti membaca. (Zahriah Husin et al, 2016). Dalam proses membaca bahan bacaan bahasa kedua atau penguasaan bahasa sasaran terdapat keperluan menguasai teks. (Smith 1994).

Keputusan tatabahasa dalam usaha menguasai kemahiran membaca teks bahasa Arab amat jelas. Maka, terdapat keperluan kepada variasi pengajaran dan pembelajaran tatabahasa Arab. Hal ini termasuk membincangkan metod pengajaran yang berkesan. Jack (1985) mendefinisikan metod sebagai asas kepada bentuk pengkhususan teori dan praktikal. Manakala Rushdi (1986) menyatakan bahawa metod adalah aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam keadaan peranan guru dan pelajarnya adalah sama penting.

Menurut pendekatan kognitif (Chomsky), mempelajari bahasa ialah satu proses menguasai pola-pola fonologi, sintaksis dan leksikal bahasa berkenaan. Kesenangan murid mempelajari bahasa kedua akan menyebabkan penguasaan kognitif mereka terhadap struktur bahasa itu mudah berkembang. (Meor Mohd Aiyub 2002).

Teori kognitif menekankan pembahagian dan hubung jalin maklumat. Teori ini berpandangan bahawa belajar merupakan suatu proses *internal* yang mencakup ingatan, pengolahan informasi, emosi, dan aspek-aspek penghayatan. Maka, belajar merupakan aktiviti yang melibatkan proses berfikir yang sangat kompleks. Antara pakar teori ini ialah J. Piaget, Ausubel, Bruner, Gagne dan Norman. (Saul Mcleod, 2018), Aina Mulyana, 2012)

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Kajian ini dijalankan bagi menjawab persoalan berkaitan kesalahan menentukan baris perkataan ketika pelajar membaca teks bahasa Arab. Kesalahan ini berlaku disebabkan kelemahan pelajar terhadap penguasaan ilmu *nahu/sintak* dan *sorof/morfologi* bahasa Arab. Sikap pelajar yang kurang fokus dan tidak memandangi

serius kepada fakta-fakta tatabahasa Arab juga membawa kepada kegagalan pelajar menguasai ilmu penting *nahu* dan *sorof* yang merupakan ilmu asas untuk menguasai semua kemahiran bahasa. Impaknya pelajar membuat kesalahan dalam pembacaan teks. Selain itu, kajian ini juga menyokong dapatan kajian Abdul Razif Zaini et al (2017) yang menyatakan bahawa antara lima permasalahan dalam pengajaran bahasa Arab ialah persekitaran, motivasi, bahan bantu mengajar, keupayaan dan pedagogi. Oleh itu kajian ini berusaha untuk memperbaiki isu persekitaran dan motivasi melalui pelaksanaan satu bentuk teknik pengajaran kemahiran membaca teks bahasa Arab. Maka, aktiviti pengajaran perlu diperbaharui dan dipelbagaikan bagi menarik minat pelajar. Di antara inisiatif PdP bahasa Arab ialah dengan menggalakkan aktiviti berfikir. Program Kemahiran Berfikir Kreatif dan Kritis (KBKK) telah mula diperkenalkan pada tahun 1994. Manakala program i-Think merupakan satu program yang bertujuan mempertingkatkan dan membudayakan kemahiran berfikir dalam kalangan murid ke arah menghasilkan murid berinovatif. (KPM, 2012).

Kajian berasaskan Teori Kognitif ini menggalakkan pelajar berfikir tentang maklumat-maklumat asas yang telah dipelajari dan menggunakan pendekatan teknik Unzur Qablahu (UQ) untuk membantu pembacaan teks bahasa Arab. Teknik Unzur Qablahu (UQ) bermaksud melihat perkataan sebelumnya untuk membantu pelajar mengetahui baris iaitu cara sebutan perkataan selepasnya.

3.0 KAJIAN LITERATUR

Terdapat keperluan mewujudkan kreativiti dan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa. Awatif et al (2016) berpendapat bahawa penguasaan bahan dan sumber bacaan memerlukan teknik-teknik yang efektif bagi meningkatkan minat pelajar terhadap bahan bacaan tersebut. Teknik-teknik ini boleh diperkenalkan kepada pelajar sebagai alternatif untuk meningkatkan minat terhadap bahan bacaan.

Menurut Ziyad dan Izzuddin (2012), membaca merupakan cara seseorang memperoleh pengetahuan dan maklumat serta pengalaman yang berbeza. Apabila memperkatakan tentang membaca, secara tidak langsung proses ini menyentuh tentang kemahiran membaca. Kemahiran ini amat penting untuk menjelaskan bahawa pembaca faham dengan apa yang dibacanya.

Menurut Ku Fatahiyyah et al. (2014), beberapa cadangan untuk penambahbaikan yang perlu diberi perhatian untuk diimplementasi secara terancang dan teratur dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab umumnya dan khususnya dalam menguasai kemahiran asas dan utama bahasa iaitu kemahiran membaca agar proses pengajaran dan pembelajaran tidak hanya menfokuskan kepada bacaan tanpa tujuan. Antara cadangan tersebut ialah penekanan kepada kaedah latih tubi dan latihan pembacaan berterusan dan penggunaan pelbagai bahan bantu mengajar dalam pengajaran kemahiran membaca.

Menurut Noorafini et al (2017), tenaga pengajar perlu memainkan peranan mereka untuk menghasilkan pengajaran yang berkualiti. Kualiti pengajaran mampu dihasilkan sekiranya guru bijak dalam memahami dan mengubah sikap pelajar kepada yang lebih baik. Selain itu, pengetahuan luas dan aplikasi ilmu pedagogi akan menjamin anjakan proses pembelajaran bahasa Arab.

Rumusan semua kajian di atas menunjukkan pelbagai usaha ke arah pengajaran kemahiran membaca yang lebih baik dan berkesan kepada pelajar. Oleh yang demikian, kajian ini akan menggunakan teknik Unzur Qablahu (UQ) sebagai satu pendekatan untuk membantu pelajar menguasai tatabahasa Arab

dan seterusnya mampu membaca teks dengan betul. Teknik Unzur Qablahu (UQ) menyokong pemikiran kritis dan kreatif dalam diri pelajar. Kajian berasaskan Teori Kognitif ini akan menggalakkan pelajar berfikir maklumat-maklumat asas tatabahasa Arab yang telah dipelajari di peringkat sekolah menengah untuk diingati dan dicerna serta dikuasai dengan lebih baik.

Oleh itu, objektif kajian ialah mengkaji penggunaan dan kesesuaian Unzur Qablahu (UQ) dan Aplikasi Teori Kognitif (ATK) untuk membantu proses kemahiran membaca teks bahasa Arab. Selain itu, kajian juga mengkaji kaitan teknik Unzur Qablahu (UQ) dan Aplikasi Teori Kognitif (ATK).

Perkataan Unzur Qablahu (UQ) adalah perkataan bahasa Arab. Unzur bermaksud lihatlah, ia satu permintaan dan suruhan. Qablahu bermaksud sebelumnya. Teknik Unzur Qablahu (UQ) ialah teknik melihat perkataan sebelumnya untuk menentukan baris perkataan selepasnya. Baris perkataan yang dibincangkan dalam kajian ini ialah baris akhir perkataan. Pengetahuan ilmu *nahu* iaitu ilmu tatabahasa Arab dapat membantu mereka mengenalpasti baris perkataan. Aplikasi Teori Kognitif (ATK) pula bermaksud pelajar perlu berfikir fakta-fakta ilmu tatabahasa Arab yang telah mereka pelajari untuk mereka fungsikan dan gunakan ketika menentukan baris akhir perkataan-perkataan yang dibaca. Oleh itu kemahiran membaca teks bahasa Arab amat memerlukan aktiviti pemikiran yang jelas dan betul semasa memilih baris bacaan perkataan yang tepat dengan mengaplikasi teknik Unzur Qablahu (UQ).

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kualitatif. Metodologi kajian adalah secara pemerhatian semasa sesi pengajaran kemahiran membaca teks bahasa Arab. Peserta kajian adalah pelajar Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Undang-Undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor dari kelas bahasa Arab NBWU1062 Al-Arabiah Al-A'liyah Li Dirasat Islamiyyah II. Kod kursus ini adalah subjek bahasa Arab yang ditawarkan kepada pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam di semester dua. Justifikasi pemilihan peserta kajian ini ialah kerana mereka merupakan pelajar aliran pengajian Islam yang mempunyai latar belakang yang kukuh dalam tatabahasa Arab. Peserta kajian ini juga adalah graduan lepasan diploma, asasi atau matrikulasi pengajian Islam atau lepasan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). Di samping itu, pelajar-pelajar ini telah mengambil kod kursus bahasa Arab semester satu iaitu kod NBWU1022 Al-Arabiah Al-A'liyah Li Dirasat Islamiyyah I. Jelas menunjukkan mereka mempunyai pengetahuan tatabahasa bahasa Arab yang baik dengan merujuk tempoh pengajian bahasa Arab.

Kajian bermula dengan meneliti permasalahan kajian iaitu kelemahan peserta kajian membaca teks bahasa Arab. Peserta kajian sepatutnya tidak membuat banyak kesalahan sintak atau *nahu* kerana mereka mempunyai asas bahasa Arab dari peringkat sekolah menengah, diploma, asasi atau matrikulasi. Mereka juga telah tamat mengambil kursus bahasa Arab kod NBWU1022 di semester satu seperti yang dinyatakan sebelum ini.

Pelaksanaan rekabentuk pemerhatian kajian dijalankan dengan membekalkan kepada peserta kajian teks bahasa Arab yang terdapat di dalam buku modul bahasa Arab untuk kod kursus NBWU1062 yang disediakan oleh pegawai akademik bahasa Arab di Pusat Pengajian Teras, KUIS. Peserta kajian diberi teks bahasa Arab untuk dibaca dengan betul.

Catatan dibuat terhadap kesalahan tatabahasa yang dilakukan oleh peserta kajian semasa mereka membaca teks tersebut. Jenis kesalahan yang dilihat ialah

kesalahan bacaan baris huruf akhir perkataan. Limitasi kesalahan sebutan baris akhir hanya diberi tumpuan kepada beberapa asas tajuk tatabahasa seperti:

- a) *Mubtada'*; iaitu perkataan kata nama pemula ayat (untuk ayat yang bermula dengan kata nama).
- b) *Majrurat*; kata nama selepas huruf jar dan idhafah (sandaran).
- c) *A 'taf*: iaitu huruf yang mempunyai makna dan berfungsi untuk menentukan baris perkataan selepasnya.

Tajuk lain yang berkaitan turut dibincangkan memandangkan peserta kajian telah mempunyai asas yang baik tentang ilmu sintak bahasa Arab. Pemerhatian memfokuskan jenis kesalahan yang dibuat peserta kajian ketika membaca teks dan juga keadaan mereka ketika membaca teks. Didapati peserta kajian meneruskan pembacaan yang salah tanpa berfikir dahulu untuk menggunakan maklumat asas yang mereka miliki. Semua kesalahan tatabahasa dalam bacaan teks tersebut direkodkan. Kajian mendapati peserta kajian memerlukan teknik yang sesuai untuk menghayati tatabahasa Arab.

Pengkaji mencadangkan implimentasi Teknik Unzur Qablahu (UQ) untuk membantu pelajar membaca teks bahasa Arab dengan betul. Asas Teknik Unzur Qablahu (UQ) ini menyokong Aplikasi Teori Kognitif (ATK) dengan langkah pertama ialah dengan melihat perkataan sebelumnya. Kemudian pelajar perlu berfikir jenis perkataan sebelumnya, untuk mengetahui cara membaca perkataan selepasnya dengan tepat. Dengan ini, pelajar bukan sahaja melihat kedudukan perkataan tetapi juga mampu berfikir dan memahami dengan lebih baik tentang ilmu sintak untuk perkataan selepasnya. Maka di sini aplikasi teori kognitif berlaku dengan teratur dan meningkatkan kefahaman pelajar. Oleh yang demikian, pengkaji memilih Teknik Unzur Qablahu (UQ) bersama Aplikasi Teori Kognitif (ATK) untuk peserta kajian belajar memahami sebab baris sesuatu perkataan yang terdapat dalam teks. Berikut pelaksanaan Teknik Unzur Qablahu (UQ) bersama Aplikasi Teori Kognitif (ATK) untuk membantu peserta kajian menentukan baris perkataan ketika membaca teks.

Jadual 1: Teknik Unzur Qablahu (UQ) Secara Aplikasi Teori Kognitif (ATK) Untuk Membantu Proses Membaca Teks Bahasa Arab.

Teknik Unzur Qablahu (UQ) Secara Aplikasi Teori Kognitif (ATK)
<p style="text-align: center;">أهمية اللغة العربيّة ومكانتها:</p> <p>اللغة العربيّة من اللّغات العالميّة الأكثر انتشاراً في العالم، ومن إحدى اللّغات المعتمدة في الأمم المتّحدة، كما إنّها تشكّل اللغة الأولى في مناطق بلاد الشّام، وشبه الجزيرة العربيّة، وشمال أفريقيا، وساهم هذا الانتشار الواسع للغة العربيّة في تصنيفها كواحدةٍ من اللّغات التي يسعى العديدُ من الطّلاب إلى دراستها، وخصوصاً غير الناطقين بها؛ من أجل التّعريفِ على جمال كلماتها.</p> <p>(Buku Modul. 2020). Al-Bayan Fi al-Lughah al-Arabiyah II.</p>
<p>أهمية اللغة العربيّة ومكانتها</p> <p>Bacaan untuk perkataan (أهميّة)</p> <p>Langkah pertama: Teknik Unzur Qablahu (UQ)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Qablahu: melihat perkataan sebelumnya – kosong dan tiada perkataan. • boleh guna baris asal iaitu dhommah. • mubtada' – ia dinamakan mubtada' kerana ia perkataan kata nama pemula ayat

(untuk ayat yang bermula dengan kata nama).

Langkah kedua: Aplikasi Teori Kognitif (ATK)

- perlu berfikir maklumat ilmu sintak.
- dari segi i'rab *mubtada'* adalah jenis *marfu'a't* yang hukum bacaannya adalah *dhommah* (kerana jenis perkataan adalah *mufrad*-iaitu perkataan menunjukkan bilangan satu)

أهمية اللغة العربية ومكانتها

Bacaan untuk perkataan (اللغة)

Langkah pertama: Teknik Unzur Qablahu (UQ)

- Qablahu: melihat perkataan sebelumnya- perkataan (أهمية)
- sebelumnya ada *mubtada'* (أهمية) iaitu satu perkataan yang memulakan ayat.
- perkataan selepasnya iaitu (اللغة) ada *alif lam* dan menjadi makna sandaran untuk perkataan pertama (أهمية).
- dibaca dengan baris *kasrah* (baris bawah) kerana menjadi *mudhafun ilaih*.

Langkah kedua: Aplikasi Teori Kognitif (ATK)

- perlu berfikir maklumat ilmu sintak.
- dari segi *i'rab mudhafun ilaih* adalah dalam kategori *majrur*. Maka ia dibaca dengan baris *kasrah* (baris bawah) kerana perkataan tersebut jenis *mufrad*-iaitu perkataan menunjukkan bilangan satu)

أهمية اللغة العربية ومكانتها

Bacaan untuk perkataan (العربية)

Langkah pertama: Teknik Unzur Qablahu (UQ)

- Qablahu: sebelumnya perkataan (اللغة): adalah satu perkataan yang ada *alif lam*.
- perkataan selepasnya (العربية) juga ada *alif lam* dan ia menjadi *sifat* untuk perkataan yang sebelumnya.
- dibaca dengan baris *kasrah* (baris bawah) kerana perlu mengikut baris perkataan sebelumnya.

Langkah kedua: Aplikasi Teori Kognitif (ATK)

- perlu berfikir maklumat ilmu sintak.
- dari segi *i'rab sifat* atau *naa't* adalah dalam kategori *tawabuf*. Iaitu hukum sesuatu perkataan itu adalah dengan mengikut hukum perkataan sebelumnya. Dengan syarat makna perkataan tersebut sesuai dengan perkataan selepasnya dan semua ciri2 kedua-dua perkataan adalah sama.

Maka ia dibaca dengan baris *kasrah* (baris bawah) kerana perkataan tersebut menyamai:

- jenis *mufrad*-iaitu perkataan menunjukkan bilangan satu)
- jenis *muannas*-iaitu perkataan menunjukkan perempuan)
- jenis *ma'rifah*-iaitu perkataan menunjukkan kata nama khas)

أهمية اللغة العربية ومكانتها

Bacaan untuk perkataan (و)

Langkah pertama: Teknik Unzur Qablahu (UQ)

- Qablahu: sebelumnya ada perkataan yang berkaitan dengan perkataan atau *huruf wau* (و) iaitu perkataan (أهمية)
- ini huruf, maka barisnya tetap iaitu *fathah* (baris atas)

Langkah kedua: Aplikasi Teori Kognitif (ATK)

- perlu berfikir maklumat ilmu sintak atau *nahu*.
- ilmu sintak memberitahu bahawa *huruf wau* adalah salah satu *huruf a'taf* iaitu huruf yang menentukan baris perkataan selepasnya dengan mengambil hukum perkataan sebelumnya yang berkaitan dengannya iaitu perkataan (أهمية)

أهمية اللغة العربية ومكانتها

Bacaan untuk perkataan (مكانتها)

Langkah pertama: Teknik Unzur Qablahu (UQ)

- Qablahu: sebelumnya ada perkataan atau *huruf wau* (و) yang berkaitan dengan perkataan (أهمية)
- baris perkataan selepas *huruf wau* (و) adalah *dhumma* (baris depan) sama dengan baris perkataan (أهمية)

Langkah kedua: Aplikasi Teori Kognitif (ATK)

- perlu berfikir maklumat ilmu sintak.
- *huruf a'taf* iaitu huruf yang menentukan baris perkataan selepasnya (مكانتها) dengan mengambil hukum perkataan sebelumnya (أهمية).

Maklumat tambahan:

أهمية اللغة العربية ومكانتها

Adalah tajuk teks, maka ayat ini hanya ada subjek (*mubtada'*) tiada predikat (*khabar*) atau boleh juga berlaku predikat telah dibuang atas sebab keperluan. Tajuk teks ialah: Kepentingan bahasa Arab dan Kedudukannya.

Jadual 1 menunjukkan langkah perkembangan dalam usaha memahami dan mengetahui baris perkataan dengan menggunakan Teknik Unzur Qablahu (UQ) secara Aplikasi Teori Kognitif (ATK) untuk membantu proses membaca teks bahasa Arab. Teknik Unzur Qablahu (UQ) ialah teknik melihat perkataan sebelumnya dan berfikir maklumat ilmu sintak sebagai satu usaha memahami sebab baris sesuatu perkataan. Aplikasi Teori Kognitif (ATK) menerangkan bahawa hanya melihat perkataan sebelumnya adalah tidak memadai, malah proses kognitif diperlukan untuk memikirkan jenis perkataan dengan merujuk maklumat ilmu sintak/nahu bahasa Arab yang telah dipelajari pelajar sejak sekolah menengah atau peringkat diploma atau matrikulasi.

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Jadual 2 di bawah menunjukkan perjalanan pemerhatian yang dijalankan untuk menyenaraikan dapatan penggunaan Teknik Unzur Qablahu (UQ) secara Aplikasi Teori Kognitif (ATK).

Jadual 2: Dapatan penggunaan Teknik Unzur Qablahu (UQ) Secara Aplikasi Teori Kognitif (ATK).

<p>Teks Pilihan: (Buku Modul. 2020). Al-Bayan Fi al-Lughah al-Arabiyyah II البيان في اللغة العربية 2 Tajuk أهمية اللغة العربية ومكانتها : ومكانتها Kod Kelas: NBWU1062</p>	<p>أهمية اللغة العربية ومكانتها اللغة العربية من اللغات العالمية الأكثر انتشاراً في العالم، ومن إحدى اللغات المعتمدة في الأمم المتحدة، كما إنها تشكل اللغة الأولى في مناطق بلاد الشام، وشبه الجزيرة العربية، وشمال أفريقيا، وساهم هذا الانتشار الواسع للغة العربية في تصنيفها كواحدة من اللغات التي يسعى العديد من الطلاب إلى دراستها، وخصوصاً غير الناطقين بها؛ من أجل التعرف على جمال كلماتها.</p>		
<p>Ayat yang dipilih untuk perbincangan teknik UQ</p>	<p>أهمية 1 اللغة 2 العربية 3 ومكانت 4 ها 5</p>		
<p>Ayat yang dipilih untuk pemerhatian selepas menggunakan teknik UQ</p>	<p>وساهم هذا الانتشار الواسع للغة العربية في تصنيفها كواحدة من اللغات التي يسعى العديد من الطلاب إلى دراستها</p>		
<p>Pemerhatian yang dilaksanakan</p>	<p>Pemerhatian Awal Sebelum Perbincangan Teknik UQ</p>	<p>Pemerhatian Semasa Perbincangan Teknik UQ</p>	<p>Pemerhatian Selepas Memahami Teknik UQ</p>
<p>Aktiviti Membaca Teks</p>	<p>Pelajar membaca tanpa memikirkan baris yang sesuai.</p>	<p>Membaca dan berbincang tentang Teknik UQ serta mengajak pelajar</p>	<p>Membaca dengan lancar dan memikirkan baris yang sesuai.</p>

	<p>Terdapat 6 baris dan kesalahan yang dibuat ialah 4/6</p> <p>أهمية 1 اللغة 2 العربية 3 و 4 مكانت 5 ها 6</p> <p>Kesalahan pada baris akhir perkataan:</p> <p>أهمية اللغة العربية مكانت</p>	<p>berfikir sebab baris perkataan tersebut dengan menggunakan maklumat ilmu <i>nahu/sintak</i>. Di sini aplikasi teori Kognitif dilaksanakan. Perbincangan untuk perkataan:</p> <p>أهمية 1 اللغة 2 العربية 3 و 4 مكانت 5 ها 6</p> <p>Seperti yang tertera dalam metodologi kajian.</p>	<p>Kesalahan hanya 2/16.</p> <p>للغة 1 العربية 2 في تصنيف 3 ها 4 ك 5 واحدة 6 من اللغات 8 التي 9 يسعى 10 العديد 11 من 12 الطلاب 13 إلى 14 دراست 15 ها 16</p> <p>Kesalahan pada baris akhir perkataan:</p> <p>واحدة العديد</p>
<p>Input Pemerhatian lain-lain: Intonasi, Sikap dan ekspresi wajah</p>	<p>Bunyi baris kurang jelas, pelajar membaca dengan laju tanpa memikirkan baris, serta kurang keyakinan terhadap sebutan baris tersebut. Pensyarah meminta pelajar berhenti dan fikir. Ekspresi pelajar mula berubah dan mula tidak yakin dan menjadi diam agak lama sebelum baris dibunyikan. Sebahagian pelajar yang lain terus membaca dengan yakin akan tetapi baris tetap salah.</p>	<p>Pelajar bersemangat untuk mengetahui teknik UQ. Pelajar memberi tumpuan dengan ekspresi wajah yang bersemangat. Situasi ini amat membantu proses pembelajaran yang positif dan berkesan.</p>	<p>Sebutan baris yang betul. Suara yang lebih jelas sebagai refleksi keyakinan dalam pembacaan. Ekspresi ceria dan bertenaga untuk menguasai kemahiran membaca teks bahasa Arab.</p>

Dapatan kajian menjelaskan bahawa usaha penggunaan Teknik Unzur Qablahu (UQ) secara Aplikasi Teori Kognitif (ATK) adalah inisiatif dan gerak usaha untuk membantu proses membaca teks bahasa Arab dengan baris yang betul. Teknik ini memberi kesan positif terhadap penguasaan tatabahasa Arab seperti *i'rab* serta menyemai aktiviti berfikir secara kritis. Teknik Unzur Qablahu (UQ) adalah langkah pertama yang perlu dilakukan oleh pelajar. Manakala Aplikasi Teori Kognitif (ATK) adalah langkah kedua untuk menentukan baris iaitu bunyi di akhir perkataan. Pelaksanaan langkah pertama dan kedua harus seiring untuk menentukan baris perkataan. Oleh itu, kajian memperlihatkan hubung jalin antara Teknik Unzur Qablahu (UQ) dan Aplikasi Teori Kognitif (ATK). Kajian juga merekodkan input-input lain yang dilihat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran kemahiran membaca melalui Teknik Unzur Qablahu (UQ). Antaranya ialah intonasi bacaan, sikap dan ekspresi pelajar sebelum, semasa dan selepas pelaksanaan teknik UQ. Hal ini kerana merangsang minat pelajar dalam keterlibatan dalam pembelajaran adalah kunci utama kejayaan sesuatu teknik yang dijalankan kepada pelajar demi memastikan teknik yang dilaksanakan memberi kesan yang optimis.

6.0 RUMUSAN

Kajian Teknik Unzur Qablahu (UQ) secara Aplikasi Teori Kognitif (ATK) ini masih di peringkat awal dan perlu kepada perkembangan yang lebih luas dan terperinci. Dirumuskan bahawa pelajar akan melakukan kesalahan jika tiada latihan dan cara yang mudah untuk mereka fahami. Namun, teknik UQ tidak dapat memastikan bahawa pelajar tidak akan melakukan kesalahan semula ketika membaca teks bahasa Arab kerana kefahaman dan penguasaan amat bergantung kepada kesungguhan pelajar mempraktik segala ilmu dan teknik yang mereka pelajari. Sebagai tenaga pengajar, saranan dan sokongan berterusan adalah amat penting agar pelajar terus mengaplikasi teknik-teknik yang telah diketahui bagi meningkatkan penguasaan kemahiran membaca bahan bahasa Arab dapat dipertingkatkan. Inisiatif dan cadangan-cadangan kreatif perlu terus dilaksanakan oleh para pengajar dan semua pihak yang berkaitan untuk kecemerlangan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

7.0 RUJUKAN

- Abdul Razif Zaini, Muhammad Redzaudin, Rofian Ismail, Noor Shamshinar Zakaria, Hasmadi Hamdan, Mohamad Rushdan. (2017). Permasalahan Dalam Pengajaran Bahasa Arab Di Malaysia. Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan 2017, Vol 1.
- Ab. Halim Mohamad. (2005). Pengajaran Bahasa Arab Melalui Kaedah Komunikatif Bersepadu (KKB), Pendidikan Islam dan Bahasa Arab: Perspektif Pengajian Tinggi (hlm. 137-162). Universiti Malaya, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Aina Mulyana. (2012). Teori Belajar Kognitif, dicapai pada 6 Feb 2018 daripada <http://ainamulyana.blogspot.com/2012/08/teori-belajar-kognitif.html>
<https://sites.google.com/site/mulyanabanten/home/teori-belajar-behavioristik/teori-belajar-kognitif>
- Awatif Abdul Rahman, Hairun Najuwah Jamali, Ku Fatahiyah Ku Azizan & Siti Nurhajariah Mat Isa. (2016). Penguasaan Bahan Bacaan Bahasa Arab Melalui Teknik Membaca SQ3R, e-Bangi journal of Social Sciences and Humanities, U.K.M, Special Issue 3 (November 2016) 069-080, ISSN: 1823-884x.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). Program I

- Think: Membudayakan Kemahiran Berfikir, Penerbit: Kementerian Pelajaran Malaysia, Cetakan 2012. dicapai pada 16 Jan 2018 daripada <https://www.scribd.com/document/331291022/ITHINK->
- Ghazali Darusalam, Sufean Hussin. (2016). Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan: Amalan & Analisis Kajian. Penerbit Universiti Malaya. Kuala Lumpur. Cetakan 3.
- Jack. C. Richard. (1985). The context of language teaching. London: Cambridge University Press.
- Ku Fatahiyah, Awatif & Hairun Najuwah. (2014). Tahap Kemahiran Asas Bahasa Arab di IPT Malaysia. GSE E-Journal of Education: 20-32.
- Meor Mohd Aiyub Meor Zakaria. (2002). Pengajaran Bahasa (ilmu linguistik dan pengajaran bahasa). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.)
- Mohamad Ziyad Mokhtar dan Izuddin Muhammed. (2012). Penguasaan Asas Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar PPISMP Gstt- Pai: Satu Kajian Kes. Sabah: Institut Pendidikan Guru Kampus Tawau.
- Noorafini Kassim, Dr. Saini Ag. Damit & Dr. Muhammad Suhaimi Taat. 2017. Pengaruh Sikap Pelajar Dan Pengajaran Guru Terhadap Penguasaan Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar PPIB, UMS.
- Rushdi Ahmad Taimah. (1986). Al-Marji fi ta lim al-lughah al arabiyah li al-natiqin bi lughah ukhra. Mekah : Matabi Jami at Ummu al-Qura. Pensyarah Bahasa Arab. Buku Modul (2020). Al-Arabiah Al-A'liyah Li Dirasat Islamiyyah II (Bayan II). Selangor, KUIS: Pusat Pengajian Teras.
- Saul Mcleod. 2018. dicapai pada 20 Okt 2020 daripada <https://www.simplypsychology.org/piaget.html>
- Smith, F. (1994). Understanding Reading. Edisi Kelima. Hillsdale New Jersey: Lawrence Erlbau.
- Zahriah Husin, Nik Farhan Mustapha, Che Radiah Mezah, Pabiyah Toklubok@Hajimaming & Normaliza Abd Rahim. (2016). Kepentingan Nahu Arab dalam Menghafaz al-Quran. GEMA Online® Journal of Language Studies, Volume 16(2), June 2016, ISSN: 1675-8021, hlm. 95-110.